

1001 MASALAH

ABU AL-MUKHTAR SEDIA MENJAWAB



Pengajaran tawakal.

Encik Mardi bin Husain dari Melaka bertanya:

Adakah tawakal dalam Islam bererti meninggalkan usaha, hanya semata-mata menunggu datangnya rezeki, atau bagaimana? Kerana saya dengar orang Islam itu disuruh bertawakal. Harap tuan memberi penerangan yang sejelasnya.

Jawapannya:

Apa yang saudara dengar itu memang benar, dan setiap orang Islam disuruh bertawakal, kerana Tuhan telah berfirman yang terdapat beberapa banyak ayat dalam kitab-Nya yang mulia – di antaranya berbunyi:

Wa 'alā Allāhi fa tawakkalū, fa 'alayhi tawakkalū, wa 'alā Allāhi falyatawakkalu al-mu'minūn, fa u'budhu wa tawakkalu 'alayh.

Ertinya: “Dan kepada Allah hendaklah kamu bertawakal (berserah)!, kepada-Nya bertawakallah kamu, dan kepada Allah hendaklah orang-orang Mukmin itu bertawakal, maka sembahlah Dia (Allah) dan bertawakallah kepada-Nya!”

Semuanya ayat-ayat ini, membuktikan tentang wajibnya orang-orang Mukmin itu supaya bertawakal atau berserah kepada Allah. Adapun tawakal di dalam Islam, bukanlah bererti meninggalkan usaha – semata-mata hanya

menunggu-nunggu datangnya rezeki – seperti yang saudara tanyakan itu. Anggapan yang seperti itu adalah salah, dan pengajaran yang demikian boleh menyebabkan orang yang mengamalkannya menjadi pemalas, suka bergantung kepada orang lain, pengecut, mundur dan tak tahu menghargai dirinya, sehingga tidak layak untuk hidup bersaing-saing dengan manusia-manusia lain yang telah maju ke hadapan dan berjaya dalam hidupnya kerana mereka telah dapat memahami apa erti tawakal yang sebenarnya.

Nabi (S.A.W) telah mengajar umatnya bagaimana caranya mereka mesti bertawakal. Ini ada diceritakan (diriwayatkan) demikian:

Adalah seorang lelaki di zaman Nabi (S.A.W) mempunyai seekor unta. Unta itu telah dilepaskannya begitu sahaja sambil berkata “Aku bertawakal kepada Allah”.. Maka Nabi (S.A.W) telah berkata kepada orang lelaki itu dengan sabdanya “*‘Uqilhā wa tawakka!*” Ertinya: “Tambatkan untamu dan baharulah bertawakal!”

Maksudnya baginda mengajar, supaya unta itu tidak lari ke mana-mana hendaklah ditambatkan terlebih dahulu, kemudian baru berserah kepada Allah jika hendak meninggalkannya – yang tujuannya memohon perlindungan dan penjagaan atas unta itu, kerana tak ada sebaik-baik tempat meminta selain daripada perlindungan Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* sahaja.

Maka hadith yang telah disebutkan di atas, telah diambil oleh ulama untuk menjadi panduan atau dalil untuk menentukan apa yang dimaksudkan dengan suruhan bertawakal itu.

Agama Islam tidak sekali-kali menyuruh seseorang meninggalkan kerja-kerja atau mencuaikan sebab musabab yang membawa kepada tercapainya maksud dan cita-cita orang itu.

Bahkan agama Islam menyuruhnya berusaha dengan tekun, rajin dan sungguh-sungguh seberapa yang terdaya dan yang terupaya. Setelah itu hendaklah orang itu meyakinkan di dalam hatinya akan keimanan yang sejati – semasa dia sedang berusaha itu – percaya bahawasanya Allah *Subhānahu wa Ta‘ālā* ada menyertainya, percaya bahawa Allah Ta‘ālā ada memberi pertolongan dan bantuan, dan memberkati usahanya serta melorongkan cita-citanya. Itulah sebabnya Allah telah berfirman yang berbunyi:

“*Wa ‘ala Allāhi fa tawakkalū in kuntum mu‘minin*”

Ertinya: “Kepada Allah hendaklah kamu berserah sekiranya kamu orang-orang beriman.”

Dan firman-Nya lagi “*Inna alladhīna ta‘budūna min dūni Allāhi lā yamlikūna lakum rizqān fa ibtaghū ‘inda Allāhi al-rizq*”.

Ertinya: “Sesungguhnya berhala-berhala yang kamu sembah selain Allah itu, tiadalah mereka mempunyai rezeki (yang akan diberikan-Nya) kepada kamu. Sebab itu carilah rezeki di sisi Allāh.”

Dalam al-Qur‘ān banyak seruan supaya umat Islam beriman, percaya, yakin dan cekal kepada pengajarnya.

Dan di dalam al-Qur‘ān juga ada seruan supaya umat Islam mencari rezeki, iaitu dengan bekerja, beramal dan berusaha dengan bersungguh-sungguh.

Selain itu Rasul (S.A.W) telah mengajar umatnya bagaimana caranya bertawakal itu sebagaimana sabdanya:

“*Law annakum tatawakkaluna ‘alā Allāhi haqqa tawakkulihi, larazaqakum kamā yarzuqu al-ṭayra taghdū khimāṣān wa tarūhu biṭānā.*”

Ertinya: “Kalau seandainya kamu bertawakal kepada Allah dengan sebenar-benar tawakal, nescaya kamu diberikan rezeki seperti Allah memberikan rezeki kepada burung yang pada paginya berperut kosong dan petangnya berperut buncit (kenyang).

Ini adalah contoh yang wajib ditauladani oleh setiap orang Islam; iaitu mencontohi kehidupan burung. Apakala pagi hari burung itu bukanlah duduk menunggu sahaja di dalam sarangnya, bahkan dia pergi keluar dengan berperut kosong, dia bekerja, berusaha, terbang ke sana ke mari mencari rezeki untuk makanannya, sehingga dia dapat. Dan dia pulang setelah larut petang sedang perutnya buncit penuh berisi makanan.

Al-Imām al-Ghazzālī dalam kitabnya “*Ihyā’ ‘ulūm al-dīn*” mengenai tawakal ini beliau telah berkata demikian:

“Ada orang menyangka bahawa erti tawakal (berserah) itu, ialah meninggalkan usaha badan dan meninggalkan pertadbiran yang dirangkakan dalam hati, dan bererti juga mencampakkan diri di atas bumi ibarat kain perca yang terbuang, dan ibarat daging yang terletak di atas kayu landasan pemotong daging. Ini adalah persangkaan orang-orang jahil. Perbuatan ini haram dilakukan dalam syarak, walhal syarak memuji orang yang bertawakal. Maka bagaimana ketinggian agama akan dapat dicapai dengan melakukan larangan agama itu sendiri?” Kemudian ujar beliau lagi: “Sekiranya engkau menunggu

sampai Allah menjadikan bagimu satu kaum bukannya roti, atau sampai malaikat mengunyahkan roti itu untuk engkau dan memasukkannya sampai ke dalam perutmu, maka sesungguhnya engkau orang yang jahil tentang *sunnah Allāh* (peraturan Allah). Begitu pula kalau bumi ini tidak engkau tanami, sedangkan engkau mahukan supaya Allah menghukumkannya dengan tumbuh-tumbuhan tanpa ditanam maka semuanya itu adalah gila.”

Saiyidina ‘Umar bin al-Khaṭṭāb (R.A) telah berkata:

“Janganlah seseorang kamu menganggur:– tidak mahu mencari rezeki. Kerana telah pun maklum yang langit itu tak akan menghujankan emas ataupun perak.”

Sebelum itu, dalam al-Qur’ān ada tersebut ayat yang berbunyi:

“*Wa quli i ‘malū fa sayarā Allāhu ‘amalukum wa rasūlūhū wa al-mu ‘minūn*” Ertinya: “Dan katakanlah: Bekerjalah kamu, nescaya Allah akan melihat amalan kamu, begitu juga rasul-Nya (akan melihatnya) dan seterusnya juga orang Mukminin.”

Lagi ayat lain berbunyi: “*Fa man ya ‘mal mithqāla dharratin khayran yarah, wa man ya ‘mal mithqāla dharratatin sharran yarah*”

Ertinya: Barangsiapa mengerjakan seberat debu akan amalan yang baik itu, nescaya dilihat-Nya. Dan barangsiapa mengerjakan seberat debu akan amalan jahat, nescaya dilihat-Nya juga (di akhirat).”

Dan ayat yang lain pula berbunyi:

Wa an laysa li al-insāni illā mā sa ‘ā, wa anna sa ‘yahū

sawfa yurā, summa yujzāhu al-jazā ‘a al-awfā.

Ertinya: “Dan tiada yang akan diterima oleh manusia itu selain apa yang telah diusahakannya dan usahanya itu akan kelihatan. Kemudian dia diberikan balasan yang sepenuhnya.” *Wallāhu a ‘lam.*



Buku yang mengandungi 155 muka, kertas lichin susunan saudara A.H. Edrus ini meliputi penuh segala rupa urusan yang berhubung dengan surat menyurat dalam semua bahagian hidup (kechuali surat cinta).

Harga sebuah \$2.00 dan tambah belanja pos register sebanyak 40 sen.

Alamat penerbit-nya ia-lah:

QALAM
356/358, GEYLANG ROAD,
SINGAPORE 14.